



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2015

G A R I S P A N D U A N
B A H A N P E N E R B I T A N
B E R C E T A K D A N A U D I O
V I S U A L B E R H U B U N G
D E N G A N U N S U R - U N S U R
Y A N G B E R C A N G G A H
D E N G A N A K I D A H D A N
A M A L A N A H L I S U N N A H
W A L - J A M A A H

جامعة إسلامية ملائكة ربانية

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2015



G A R I S P A N D U A N
B A H A N P E N E R B I T A N
B E R C E T A K D A N A U D I O
V I S U A L B E R H U B U N G
D E N G A N U N S U R - U N S U R
Y A N G B E R C A N G G A H
D E N G A N A K I D A H D A N
A M A L A N A H L I S U N N A H
W A L - J A M A A H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2015



G A R I S P A N D U A N
B A H A N P E N E R B I T A N
B E R C E T A K D A N A U D I O
V I S U A L B E R H U B U N G
D E N G A N U N S U R - U N S U R
Y A N G B E R C A N G G A H
D E N G A N A K I D A H D A N
A M A L A N A H L I S U N N A H
W A L - J A M A A H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Ketiga 2015

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN BAHAN PENERBITAN BERCETAK DAN AUDIO VISUAL BERHUBUNG DENGAN UNSUR-UNSUR YANG BERCANGGAH DENGAN AKIDAH DAN AMALAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan :

FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.

Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C,
Pekeling Business Center, Jalan Pahang Barat,
53300 Kuala Lumpur

Kandungan

KATA ALU-ALUAN	v
TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	2
TAKRIF	2
Istilah ‘Penerbitan’	2
Istilah ‘Audio Visual’	3
Istilah Lain Dalam Garis Panduan Ini	3
GARIS PANDUAN	5
Kepercayaan Kepada Benda-benda Keramat	5
Khurafat, Takyul, dan Kebudayaan Karut	7
Perbomohan dan Azimat	12
Perkara Ghaibiyyat dan Persoalan Mimpi	19
Sihir dan Unsur-unsur Magis	23
Perkara Aneh dan Misteri	25
PENUTUP	29

KATA ALU-ALUAN

السلام عليكم ورحمة الله

Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjangkan ke hadrat Allah SWT yang mentadbir alam semesta ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Penerbitan Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal-Jamaah ini bertujuan sebagai panduan dan rujukan kepada para penerbit bahan bercetak dan audio visual dalam menentukan kesesuaian isi kandungan sesebuah bahan penerbitan agar tidak menyimpang daripada yang telah digariskan Islam.

Memandangkan bahan penerbitan bercetak dan audio visual merupakan salah satu medium utama penyebaran maklumat dan ilmu berkaitan Islam, diharapkan garis panduan ini dapat dijadikan satu asas rujukan dan panduan kepada agensi-agensi berkaitan penerbitan, penapisan dan pengawalan isi kandungan setiap bahan penerbitan demi menjaga akidah dan pegangan umat Islam.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini, dan mengharapkan kerjasama semua pihak dapat mematuhiinya bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

TUJUAN

Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal-Jamaah ini disediakan untuk memberi panduan kepada para penerbit bahan bercetak dan audio visual, dalam menentukan kesesuaian isi kandungan sesebuah bahan penerbitan, supaya tidak menyimpang daripada ajaran Islam. Garis panduan ini juga menjadi asas rujukan dan panduan kepada agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan penerbitan untuk menapis dan mengawal kandungan bahan penerbitan yang tidak diingini.

LATAR BELAKANG

2. Garis Panduan ini disediakan ekoran daripada berleluasanya bahan penerbitan, sama ada penerbitan bercetak, filem ataupun elektronik yang banyak memaparkan kisah-kisah sensasi dan misteri dalam masyarakat. Antara aspek yang dieksploritasikan ialah mengenai cerita-cerita aneh, lagenda, cerita-cerita berunsur magis, perbomohan, kehidupan alam jin, dan seumpamanya, yang sebahagian besarnya termasuk dalam perkara khurafat, tasyul dan kebudayaan karut serta bercanggah dengan akidah Islam.

3. Aspek-aspek yang terdapat dalam garis panduan ini adalah meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan kepercayaan kepada benda-benda keramat, khurafat dan tasyul, lagenda, perbomohan dan azimat, perkara ghaibiyyat dan persoalan mimpi, sihir dan unsur-unsur magis, serta cerita-cerita aneh, misteri dan ajaib.

4. Garis Panduan ini merupakan perincian kepada *Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam* yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 1996.

TAKRIF

Istilah ‘Penerbitan’

5. Menurut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987), penerbitan ditakrifkan sebagai:

- (i) Dokumen, akhbar, buku dan majalah;
- (ii) Semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa

dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;

- (iii) Apa-apa jua yang mengikut rupa bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea; dan
- (iv) Rakaman suara, iaitu apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.

Istilah ‘Audio Visual’

6. Menurut Kamus Dewan bahawa, ‘audio visual’ adalah sesuatu yang melibatkan atau menggunakan pendengaran dan penglihatan. Oleh itu, garis panduan ini juga diguna pakai bagi semua bentuk penerbitan yang melibatkan ‘audio visual’ dalam aspek perfileman, meliputi sinematografi, pita, video, disket, cakera laser, cakera padat, cakera keras atau rekod lain bagi suatu urutan imej gambar tampak yang merupakan suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak sama ada atau tidak diiringi oleh bunyi.

Istilah Lain Dalam Garis Panduan Ini

7. Bagi maksud garis panduan ini, istilah-istilah lain dan takrifannya adalah seperti yang berikut:

“Ahli Sunnah wal-Jamaah” bermaksud mazhab-mazhab dari kalangan al-Asya’irah dan al-Maturidiah dalam bidang akidah, dan Mazhab Syafie, Hanafi, Maliki, dan Hambali dalam bidang hukum.

“Akidah” bermaksud pegangan ataupun kepercayaan dalam agama Islam berdasarkan akidah pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

“Ghaibiyat” bermaksud perkara-perkara ghaib yang wajib diimani seperti para malaikat, seksa kubur, jin dan sebagainya.

“Irhas” bermaksud perkara luar biasa yang berlaku pada diri Nabi SAW sebelum ia dilantik menjadi Rasul, sebagai tanda kerasulaninya.

“Istidraj” bermaksud perkara luar biasa yang berlaku pada orang awam dengan bantuan atau khadam, yang dikenali juga dengan ilmu hitam atau sihir.

“Istihza” menghina al-Quran al-Karim.

“Istinjal al-Arwah” bermaksud penurunan roh.

“Ittihad” dalam ilmu tasawuf bermaksud Tuhan dan hamba bersatu. Konsep ini juga tidak terdapat dalam pegangan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.

“Makhluk halus” bermaksud golongan jin.

“Menurun” bermaksud seseorang itu diserapi oleh makhluk halus yang dipanggil atau diseru.

“Istihdhar al-Arwah” bermaksud menghadirkan roh atau memanggil roh-roh supaya datang.

“Istikhdam al-Arwah” bermaksud memelihara roh-roh atau jin dengan tujuan menjadikannya sebagai khadam atau penolong.

“Ihanah” bermaksud perkara luar biasa yang berlaku pada orang awam dengan menggunakan tipu daya yang tidak dapat diterima akal, sama ada melalui sihir, ilmu hitam atau sebagainya.

“Rijal al-Ghaib” di kalangan ahli tasawuf bermaksud lelaki yang tidak boleh dilihat, seumpama konsep wali qutub, abdal, nujaba’ dan lain-lain. Konsep seperti ini tidak terdapat dalam Al-Quran dan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah.

“Tanasukhu al-Arwah” bermaksud penjelmaan semula roh orang yang telah mati.

GARIS PANDUAN

Kepercayaan Kepada Benda-benda Keramat

8. Mengikut *Kamus Dewan*, istilah ‘keramat’ bermaksud: suci dan berkat daripada kesuciannya itu (diperlakukan) dapat mendatangkan hikmat (seperti menyembuhkan penyakit, memberi keselamatan dan sebagainya). Ia juga bermaksud tempat atau sesuatu yang suci dan (diperlakukan) dapat mendatangkan hikmat.

9. Dalam konteks ini istilah ‘keramat’ bukannya bermaksud ‘*karamah*’ (kemuliaan) yang sebenar, sepertimana yang terdapat dalam ajaran Islam.

Bentuk-bentuk Keramat Dalam Masyarakat

10. Antara bentuk-bentuk keramat dalam kepercayaan masyarakat adalah seperti yang berikut:

- (a) Kepercayaan adanya ‘keramat’ pada benda-benda dan objek tertentu yang boleh mendatangkan kebaikan luar biasa seperti telaga keramat, cincin keramat, buaya keramat, dan sebagainya.
- (b) Pemujaan kepada ‘kubur-kubur keramat’ yang didakwa pusara ulama tertentu yang dianggap boleh memberi pertolongan.
- (c) Menganggap ‘keramat’ pada seseorang yang berpengaruh dalam masyarakat, atau kumpulan tertentu.
- (d) Menganggap wujudnya ‘hari keramat’, iaitu hari-hari tertentu yang dianggap boleh mendatangkan tuah atau kebaikan yang menakjubkan.

Hukum Mempercayai Sesuatu Benda sebagai Keramat

11. Hukum mempercayai adanya ‘keramat’ pada sesuatu benda adalah syirik, kerana menganggap ia boleh mendatangkan manfaat selain daripada kekuasaan Allah SWT.

Firman Allah SWT. (Yunus:106), maksudnya:

“Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)”.

Penerbitan yang Dilarang

12. Bentuk penerbitan mengenai kepercayaan kepada benda keramat yang dilarang adalah seperti yang berikut:

- (a) **Semua bentuk penerbitan yang memapar dan mempromosikan kepercayaan kepada ‘benda-benda keramat’.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang memaparkan pemujaan terhadap kubur, pokok, haiwan-haiwan tertentu dan keris-keris lama yang dianggap mempunyai ‘keramat’ atau mempunyai manfaat luar biasa.
- (ii) Penerbitan yang memaparkan bentuk-bentuk pemujaan, sihir, *ihanah* dan *istidraj*.
- (b) **Semua bentuk penerbitan yang menyalahguna dan menyalahafsirkan konsep ‘karamah’ (kemuliaan) yang sebenar dalam agama Islam**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang mendakwa adanya ‘kubur keramat’ dan dianggap mempunyai kuasa tertentu.

Khurafat, Tahyul dan Kebudayaan Karut

13. Menurut Kitab Al-Mu’jam al-Wasit, *khurafat* adalah “cerita-cerita yang mempesonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta”. Manakala mengikut Kamus al-Marbawi bahawa khurafat ialah; “sebarang cerita yang benar-benar dusta”. Pendapat lain menyebut bahawa; *khurafat* adalah sesuatu hal yang tidak masuk akal atau perkara-perkara yang sukar untuk dipercayai kebenarannya.

14. Berdasarkan takrif tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa *khurafat* ialah sesuatu perkara mempesonakan berbentuk rekaan atau dongeng yang karut atau tasyul yang menyimpang dari ajaran Islam.

15. Manakala istilah *tasyul* pula bermaksud semua cerita, sama ada khayalan atau rekaan, ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam. Ia meliputi cerita yang mempesonakan dan bercampuraduk dengan perkara-perkara yang dusta.

16. Manakala kebudayaan karut ditakrifkan sebagai keseluruhan tatacara hidup serta hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian dalam sesuatu masyarakat, tamadun dan peradaban yang direka serta ia bercanggah dengan ajaran Islam.

17. Ketiga-tiga istilah di atas mempunyai maksud dan kaitan yang rapat antara satu sama lain.

Ciri-ciri Khurafat dan Tasyul

18. Ciri-ciri utama khurafat dan tasyul adalah seperti yang berikut:

- (a) Cerita-cerita yang tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada al-Quran atau al-Hadith.
- (b) Cerita-cerita yang berunsur metos dan lagenda, rekaan, dongeng, khayalan, atau kepercayaan karut.
- (c) Cerita-cerita yang bersumberkan kepada kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam.

- (d) Cerita-cerita yang berbentuk pemujaan dan permohonan kepada ‘makhluk halus’ bagi tujuan memudarangkan orang lain dan menyeleweng daripada akidah Islam.
- (e) Menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya bagi tujuan yang tertentu.
- (f) Cerita-cerita yang mempunyai unsur-unsur negatif dari segi akidah dan syariat Islam.

Bentuk-bentuk Khurafat dan Tahyul

19. Antara bentuk-bentuk khurafat dan tasyul ialah:

- (a) Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu dan seumpamanya.
- (b) Kepercayaan kepada nasib sial majal, seperti adat membuang sial.
- (c) Kepercayaan kepada jin dan memohon pertolongan daripadanya, umpamanya adat ‘memuja kampung’.
- (d) Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi.
- (e) Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang-larang seperti menangguhkan perjalanan jika terdapat biawak melintas kerana dianggap sebagai isyarat benda tidak baik akan berlaku.
- (f) Percaya kepada ramalan-ramalan bintang, angka-angka atau rajah-rajah tertentu.

- (g) Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang dan kubur.

Hukum Beramal dengan Perkara Khurafat dan Tisyul

20. Dalam Islam, percaya kepada benda-benda khurafat dan tisyul, seumpama benda-benda keramat seperti pokok, kubur, telaga dan sebagainya serta percaya ianya mempunyai kuasa selain daripada Allah SWT adalah syirik dan bertentangan dengan kepercayaan tauhid kepada Allah SWT . Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

“Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan”. Para sahabat bertanya, “Apakah tujuh perkara itu?” Baginda menjawab: “Menyekutukan Allah, sihir, membunuh orang tanpa hak, makan riba, makan harta anak yatim, lari dari medan perang dan menuduh perempuan baik melakukan maksiat terkutuk”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari, Kitab Sahih al-Bukhari, Kitab hudud, bab 44, hal.33)

Penerbitan yang Dilarang

21. Bentuk penerbitan berkaitan dengan khurafat dan tisyul yang dilarang, antaranya seperti yang berikut:

- (a) Semua penerbitan yang memaparkan bentuk-bentuk pemujaan dan permohonan kepada ‘makhluk halus’ bagi tujuan tertentu.

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang mempromosi amalan-amalan pemujaan 'semangat', keris lama, menepung tawar dan upacara memuja pantai.
- (b) **Semua penerbitan yang mempromosikan 'sifat luar biasa' sesuatu objek tertentu.**

Contohnya:

- (i) Mengenai kepercayaan kepada objek-objek seperti cincin batu akek, keris lama, tombak yang dianggap boleh memberi apa-apa manfaat ataupun pertolongan.
- (ii) Mengenai kepercayaan kepada sial-majal seperti adat mandi limau, mandi safar dan adat mandi membuang sial.
- (c) **Semua penerbitan yang memaparkan cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut.**

Contohnya:

- (i) Mengenai kepercayaan kepada cerita-cerita keroncongnya dengan 'memaku' tengkok pontianak boleh menyebabkan pontianak tersebut menjelma semula menjadi manusia.
- (d) **Semua penerbitan yang memaparkan cerita-cerita bersumberkan daripada kepercayaan lama, kepercayaan kepada petanda, pantang larang dan adat istiadat yang bercanggah dengan ajaran Islam.**

Contohnya:

- (i) Mengenai kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang seperti tidak boleh melihat bayi di cermin muka kerana kononnya kelak ia akan mati di dalam air.
- (ii) Mengenai kepercayaan bahawa tidak boleh keluar ketika gagak berbunyi, takut mendapat sial atau bala.
- (iii) Mengenai kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi dan membuang ancak.

Perbomohan dan Azimat

22. Istilah ‘bomoh’ menurut *Kamus Dewan* ialah tabib kampung yang mengubati orang sakit dengan menggunakan cara tradisional atau cara kampung dan jampi-jampi. Oleh itu istilah ‘perbomohan’ di sini adalah sebarang aktiviti berkaitan dengan pengubatan yang dilakukan oleh seseorang bomoh.

23. Takrif ‘azimat’ menurut *al-Mu’jam al-Wasit* ialah “al-Ruqyah”, iaitu suatu “jampi”. Maksud “al-Ruqyah” menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi ialah “bahawa seseorang itu berjampi dan berazimat dengannya dengan kata-kata yang tidak dapat difahami. Manakala dalam Kamus *Al-Mu’jam fi al-Lughah wa al-A’lam* disebut bahawa al-Ruqyah bermasud “memohon pertolongan ataupun bantuan untuk memperoleh sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan yang melampaui kekuatan tabi’e”.

Prinsip-prinsip Perbomohan dan Matlamatnya

24. Antara prinsip dan matlamat perbomohan adalah seperti yang berikut:

- (a) Matlamat perbomohan hendaklah bagi tujuan kebaikan seperti untuk memberi kesihatan kepada tubuh badan, kerukunan rumah tangga dan hidup bermasyarakat. Adalah dilarang sama sekali bagi tujuan membala dendam, membuat aninya, menakut-nakutkan ataupun mengugut orang lain.
- (b) Setiap individu atau kumpulan tidak boleh mendakwa bahawa perbomohnya bersumber daripada Nabi Muhammad SAW para anbiya atau diambil daripada al-Quran dan al-Hadith atau berasal daripada amalan para sahabat Nabi SAW atau lain-lain, tanpa mengemukakan bukti yang kukuh berdasarkan nas al-Quran dan al-Hadith.

Adab dan Tatasusila Amalan Perbomohan

25. Antara adab dan tatasusila amalan perbomohan adalah seperti yang berikut:

- (a) Bomoh tidak boleh mendakwa dan mengaitkan sesuatu musibah adalah akibat daripada angka kejadian makhluk ghaib.
- (b) Bomoh tidak boleh takbur dan tidak boleh menganggap orang lain lemah dan lekeh.
- (c) Bomoh hendaklah melarang pesakitnya memuja, mengagung dan taksub kepadanya.
- (d) bomoh hendaklah mengikut adab sopan dan tatatertib Islam ketika menolong seseorang sama ada bersendirian atau bersama pesakit.

- (e) Bomoh hendaklah menjaga kesopanan tatasusila dan adab-adab sebagai seorang Islam.
- (f) Perbomohan tidak boleh dikaitkan dengan zat Allah dan sifat-Nya atau merupakan maksud di sebalik kalimah atau nama-nama Allah atau sifat-sifat-Nya seperti mengatakan ilmu bomoh itu diterima terus daripada Allah atau kudratnya adalah kudrat Allah, atau melalui mimpi berjumpa wali, malaikat atau lainnya.
- (g) Amalan perbomohan tidak boleh diertikan sebagai maksud yang tersirat daripada diri atau jasad dan roh Rasulullah SAW para malaikat, nabi-nabi dan orang soleh seperti ‘Nur Muhammad’ menjelma ke dalam diri dan sebagainya.
- (h) Bomoh tidak boleh memuja dan memperhambakan diri kepada sesuatu kuasa atau peribadi yang dipercaya boleh mendatangkan nasib baik atau buruk kepada seseorang seperti wali, *syeikh*, *rijal al-ghaib*, roh datuk nenek, sahabat, hantu, dewa, keramat, kubur, batu, kayu, cincin, kain kuning dan lain-lain.
- (i) Bomoh tidak boleh menggunakan tangkal azimat yang mengandungi rajah-rajah atau tulisan-tulisan yang tidak difahami dan bercampur aduk dengan ayat-ayat al-Quran dan tidak menganggap bahawa tangkal mempunyai kuasa.
- (j) Bomoh tidak boleh mengamalkan bacaan-bacaan tertentu yang tidak difahami maknanya kerana dikhuatiri mengandungi kata-kata pemujaan

kepada berhala, iblis, syaitan, atau nama berhala orang kafir atau bercampur aduk dengan ayat-ayat al-Quran.

- (k) Bomoh tidak boleh membaca mana-mana ayat al-Quran secara songsang.
- (l) Bomoh tidak boleh menggunakan kitab al-Quran secara tidak wajar, seperti syarat; menggantung al-Quran dan tunggu berpuasing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu jika berpuasing begini dan jika tidak, begini pula maksudnya. Semua ini termasuk menghina al-Quran (*Istiza'*).
- (m) Bomoh tidak boleh meninggalkan ibadat wajib yang dituntut di dalam Islam seperti sembahyang lima waktu dan ibadat lainnya ketika melakukan perbomohan.
- (n) Bomoh tidak boleh mengamalkan perbuatan ‘menurun’, memanggil roh orang mati atau sebagainya dalam kaedah perbomohan.
- (o) Penggunaan jampi dibolehkan dengan syarat:
 - (i) Menggunakan ayat-ayat suci al-Quran.
 - (ii) Menggunakan bahasa yang dapat difahami.
 - (iii) Jangan mengiktikadkan bahawa jampi itu yang memberi kesan sehingga si pesakit sembuh daripada penyakitnya, sebaliknya Allah SWT yang berkuasa.

Hukum Mengamalkan Perbomohan dan Azimat

26. Hukum mengamalkan perbomohan adalah harus dengan syarat ia tidak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak. Dalam sejarah Islam, memang wujud cara pengubatan tertentu seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Selain daripada cara-cara biasa, mereka juga menggunakan doa-doa, khusus bagi mengubati penyakit-penyakit tertentu.

27. Walau bagaimanapun, penggunaan tangkal azimat adalah haram dan syirik jika mengandungi perkataan-perkataan yang tidak dapat difaham maknanya, atau berdasarkan kepada sihir, atau yang memuja hantu syaitan dan jin iblis, atau yang mengandungi benda-benda yang najis atau kotor. Namun begitu, menggunakan Kalamullah, nama-Nya atau sifat-Nya atau zikrullah adalah tidak salah.

28. Larangan penggunaan azimat adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

Maksudnya;

“Dari Ibnu Masud RA katanya; Rasulullah SAW bersabda “Sesungguhnya tawar jampi, tangkal azimat, ilmu guna-guna (ilmu pengasih untuk menambatkan hati suami kepada isterinya atau hati isteri kepada suaminya) adalah syirik”.

(Riwayat Abu Daud dan Imam Ahmad)

Penerbitan yang Dilarang

29. Bentuk penerbitan berkaitan dengan perbomohan dan azimat yang dilarang adalah seperti yang berikut:

- (a) **Semua penerbitan yang memaparkan kepercayaan kepada kekuatan sesuatu benda**

bukan berdasarkan kepada nas syarak, sama ada al-Quran atau al-Hadith.

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang mempromosikan penggunaan rajah-rajah atau objek-objek tertentu dengan kain kuning untuk dijadikan tangkal.
 - (ii) Penerbitan yang menceritakan tentang kekebalan seseorang secara luar biasa kononnya kerana ilmu hitam yang diamalkannya.
- (b) Semua penerbitan yang mempromosikan tulisan-tulisan dan rajah-rajah yang dicampur aduk dengan huruf Arab dan kalimah-kalimah al-Quran serta tidak boleh difahami maksudnya.

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang mempromosikan bentuk-bentuk jampi dan pelindung diri seperti menjampi cincin, minyak wangi, rantai, keris, cebisan kain tertentu untuk dijadikan sebagai pelindung diri, ilmu kebal serta ilmu pengasih dan seumpamanya.
- (c) Semua penerbitan yang memaparkan amalan jampi serapah yang dicampuradukkan dengan perkara-perkara kufur yang boleh membawa kepada syirik.

Contohnya:

- (i) Penerbitan mengenai amalan menjampi kepada objek-objek atau rajah-rajah yang dicampuradukkan dengan ayat-ayat suci al-Quran untuk tujuan tertentu.
 - (ii) Penerbitan yang memaparkan upacara perbomohan dan amalan menjampi dalam bahasa-bahasa atau sebutan yang tidak dapat difahami maksudnya.
- (d) Semua penerbitan yang mengaitkan sesuatu ‘pengeras’ dengan sesuatu akibat.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang memaparkan peristiwa bagaimana seseorang itu menjadi tidak siuman sepanjang hayatnya, gara-gara tidak memberi ‘pengeras’ yang dikehendaki sewaktu rawatan perbomohan.
- (e) Semua penerbitan yang memaparkan kepercayaan kepada sial dan mudarat yang menimpa seseorang atau diri sendiri.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang memaparkan seorang ibu muda sukar untuk bersalin, gara-gara melanggar pantang larang supaya jangan mandi di sungai.
- (f) Semua penerbitan yang memaparkan penyembelihan binatang bagi tujuan bukan syarie.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang memaparkan upacara penyembelihan kambing sebagai korban bagi upacara ‘menurun’ yang dilakukan oleh sekumpulan pemuja kubur.
- (g) **Semua penerbitan yang memaparkan perlakuan bomoh dengan bacaan tertentu yang menggunakan ‘kuasa ghaib’ dalam upacara perbomohan.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang memaparkan upacara perbomohan sedang diadakan dengan segala jampi mentera dan suasana ‘memanggil’ jin sebagai khadam.
- (h) **Semua penerbitan yang memaparkan supaya taat setia kepada bomoh atau seseorang pada sesuatu perkara yang jelas bercanggah dengan akidah dan syariat.**

Contohnya:

- (i) Penerbitan yang mempromosi kebaikan sesuatu ajaran atau amalan perbomohan yang jelas menggunakan ilmu sihir atau berunsur maksiat.

Perkara *Ghaibiyyat* dan Persoalan Mimpi

30. ‘Perkara *Ghaibiyyat*’ ialah perkara-perkara mengenai akidah Islam yang tidak nampak dengan mata kasar, tetapi wajib

diperdayai oleh umat Islam. Ia meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep ketuhanan, malaikat, persoalan roh, alam akhirat, alam kubur dan mati, dan juga alam makhluk halus dari kalangan jin.

31. Manakala ‘persoalan mimpi’ ialah perkara-perkara yang berhubung dengan sesuatu yang tergambar atau dialami oleh seseorang ketika ia tidur.

Hukum Memaparkan Perkara-perkara *Ghaibiyyat* dan Mimpi

32. Perkara-perkara berbentuk *ghaibiyyat* adalah wajib diimani. Namun semua perkara *ghaibiyyat* yang tidak disebut secara jelas dalam al-Quran dan al-Hadith adalah dilarang dipapar dan diceritakan.

Penerbitan yang Dilarang

33. Penerbitan berkaitan dengan perkara *ghaibiyyat* dan mimpi yang dilarang adalah seperti yang berikut:

- (a) **Semua penerbitan yang memaparkan kisah-kisah atau pengalaman mimpi yang bercanggah dengan nas-nas syarak, seperti mimpi melihat keadaan di alam barzakh, syurga, neraka, dan seumpamanya.**

Contohnya:

- (i) Memaparkan kisah mimpi seseorang yang alim bertemu dengan Allah SWT dan berdialog dengan-Nya ketika dalam mimpi tersebut.

- (ii) Memaparkan kisah mimpi seorang ahli sufi melihat keadaan di Padang Mahsyar dan menceritakannya kepada orang lain apa yang dilihatnya itu.
 - (iii) Memaparkan keadaan seksaan dalam kubur, seumpama memperlihatkan ‘pukulan’ malaikat Munkar dan Nakir yang sangat menakutkan.
- (b)** Semua penerbitan yang menggambarkan perkara-perkara *ghaibiyat* secara terperinci, sedangkan ia tidak terdapat dalam al-Quran atau al-Hadith.

Contohnya:

- (i) Memaparkan kisah-kisah mimpi seseorang yang dapat melihat keadaan seksa di alam kubur, keadaan di Syurga dan Neraka.
 - (ii) Mempamerkan bentuk makhluk halus, seumpama jin, secara jelas dan nyata.
- (c)** Semua penerbitan yang memaparkan pengalaman seseorang berkomunikasi atau bertemu dengan makhluk-makhluk *ghaib*.

Contohnya:

- (i) Memaparkan kisah-kisah ‘perkahwinan’ manusia dengan jin dan ‘orang bunian’.
- (d)** Semua penerbitan yang memaparkan keyakinan bahawa makhluk jin itu mempunyai kuasa

mutlak tanpa qudrat dan iradat daripada Allah SWT (Dalam masyarakat Melayu, jin juga dikenali dalam berbagai nama seperti polong, toyol, iblis, saka, dan lain-lain).

Contohnya:

- (i) Memaparkan kisah-kisah perbomohan yang pasti boleh sembah kerana berkat pertolongan jin. Kisah seumpama ini boleh menunjukkan bahawa golongan makhluk ghaib lebih berkuasa untuk menolong daripada Allah.
- (ii) Memaparkan kisah-kisah pemujaan menggunakan mantera, memuja kubur, meminta bantuan ‘toyol’ dan seumpamanya.
- (e) **Semua penerbitan yang memaparkan pemujaan-pemujaan kepada makhluk syaitan, atau kisah-kisah manusia boleh berhubungan terus dengan jin dan roh.**

Contohnya:

- (i) Kisah-kisah bomoh yang menggunakan jin yang berkuasa melakukan sesuatu melebihi kuasa Allah, seumpama menyembuhkan segala penyakit atau mengetahui sesuatu barang yang hilang.

- (ii) Kisah-kisah yang memaparkan tentang pengalaman yang berkaitan dengan penjelmaan semula roh orang yang telah mati (*Istihdhar al-Arwah*), penurunan roh (*Istinzal al-Arwah*) dan roh berkuasa menolong (*Istikhdam al-Arwah*).
- (iii) Kisah-kisah yang memaparkan konsep-konsep kepercayaan terhadap roh yang terdapat dalam agama-agama lain seperti konsep penjelmaan semula roh dalam jasad (*Tanasukhu al-Arwah*) sebagaimana yang terdapat dalam kepercayaan Hindu, Buddha atau kepercayaan Anemisma.
- (f) **Semua penerbitan yang memaparkan kisah-kisah pengalaman rohani yang bercanggah dengan akidah dan hukum syarak.**

Contohnya:

- (i) Pemaparan kisah ahli tarekat yang kononnya sampai ke alam ‘fana’ dan berlakunya ‘penyatuan’ diri dengan Allah.
- (ii) Pemaparan kisah ahli sufi yang mendakwa bertemu dengan Rasulullah SAW dan menerima sesuatu wasiat daripada Baginda.

Sihir dan Unsur-unsur Magis

34. ‘Sihir’ menurut bahasa ialah sesuatu yang halus dan tersembunyi, manakala dari segi istilah adalah merujuk kepada hal-hal luar biasa yang jarang dapat difahami oleh manusia, tersembunyi sebab-sebabnya serta perbuatan itu dilakukan secara

berselindung dan tipu daya dengan memohon pertolongan daripada syaitan. Ia juga didefinisikan sebagai perkara luarbiasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib), yang melibatkan makhluk halus dan bercanggah dengan syarak. ‘Magis’ ialah perkara luar biasa yang mengandungi (mempunyai) keupayaan yang tersembunyi atau ghaib.

Hukum Beramal Dengan Sihir dan Perkara Magis

35. Islam menentang keras amalan sihir dan perbuatan yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir. Hukum percaya dan mengamalkan ilmu sihir adalah haram dan berdosa besar, berdasarkan Hadis Nabi SAW:

Maksudnya:

“Jauhilah tujuh perkara besar yang merosakkan”. Para sahabat bertanya: “Apakah tujuh perkara itu, ya Rasulullah?” Jawab Nabi, Iaitu: 1) Menyekutukan Allah; 2) sihir; 3) membunuh jiwa yang oleh Allah haramkan kecuali kerana hak 4) memakan harta riba; 5) memakan harta anak yatim; 6) lari daripada peperangan; 7) menuduh perempuan-perempuan baik, yang pandai menjaga dirinya dan beriman”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

36. Haramnya sihir tidak hanya terbatas kepada menjadi tukang sihir semata-mata, malah meliputi setiap individu yang percaya terhadap apa yang diperkatakan oleh tukang-tukang sihir. Antara perbuatan keji tukang-tukang sihir adalah memisahkan hubungan suami isteri, mengganggu seseorang, dan menimbulkan suasana tidak tenteram dalam masyarakat.

37. Oleh itu, adalah dilarang sama sekali memaparkan kisah-kisah dan penceritaan tentang amalan sihir yang berlaku dalam masyarakat, kerana dikhawatir merangsang ke arah berlakunya amalan yang bercanggah dengan syariat.

Penerbitan yang Dilarang

38. Bentuk penerbitan berunsur sihir dan magis yang dilarang adalah seperti yang berikut:

- (a) **Semua penerbitan yang mempromosi dan mengajar cara-cara atau teknik melakukan sihir dan perkara magis.**

Contohnya:

- (i) Memaparkan temu bual dengan seseorang ‘bomoh’ yang kononnya pandai dalam ilmu sihir.

- (b) **Semua penerbitan yang memaparkan secara jelas, kisah-kisah seseorang yang menderita kerana didakwa terkena sihir**

Contohnya:

- (i) Memaparkan rencana dan gambar seorang gadis yang menjadi gila kerana didakwa terkena ‘ilmu hitam’.

Perkara Aneh dan Misteri

39. ‘Aneh’ ialah sesuatu (yang didengar dan sebagainya – bukan benda atau perbuatan) tidak seperti yang biasa, pelik,

ganjal. ‘Misteri’ ialah sesuatu peristiwa, fenomena dan lain-lain yang tidak dapat difahami atau dimengerti; orang atau benda yang menimbulkan rasa ingin tahu atau suspens oleh sebab tidak diketahui, kabur atau membingungkan.

Perkara Aneh, Misteri dan Ajaib Dalam Konteks Agama

40. Dalam kehidupan sehari-hari, terdapat perkara-perkara yang ‘aneh’, misteri dan ‘ajaib’ pada pandangan manusia, tetapi tidak aneh dan misteri di sisi Islam. Sesuatu yang berlaku adalah sebagai perkara ‘mungkin wujud’ atau ‘mungkin tidak’. Memandangkan manusia mempunyai sifat kekurangan, mungkin sesuatu yang berlaku di sisi seseorang tidak boleh dilakukan oleh seseorang yang lain. Bahkan ada antaranya berlaku sama ada secara sengaja ataupun tidak.

41. Di sisi Allah, semua perkara dan misteri adalah atas keizinan dan ketentuan Allah semata-mata. Sekiranya berlaku, ia merupakan tanda kebesaran dan kekuasaan Allah. Namun begitu, tidak semua perkara aneh, misteri dan ajaib yang berlaku dalam masyarakat itu berlaku selari dengan syariat. Justeru, ia tidak boleh dihebahkan kepada umum kerana dikhuatiri boleh menimbulkan pelbagai anggapan dan fitnah serta mendedahkan masyarakat kepada penyelewengan. Ada antara perkara aneh, misteri, dan ajaib itu berunsur pemujaan ataupun sihir yang melibatkan angkara ‘makhluk halus’ seperti syaitan dan iblis.

Penerbitan yang Dilarang

42. Penerbitan mengenai cerita aneh dan misteri yang dilarang adalah seperti yang berikut:

- (a) Semua penerbitan yang memaparkan cerita-cerita aneh dan luar biasa serta boleh memudaratkan manusia.**

Contohnya:

- (i) Kisah kemampuan seseorang memakan kaca tanpa sebarang mudarat.

- (ii) Kisah kemampuan seseorang berjalan di atas bara api tanpa sebarang kecederaan.

- (b) Semua penerbitan yang memaparkan cerita-cerita yang tidak mempunyai asas yang jelas dari segi perundangan Islam.**

Contohnya:

- (i) Kisah mayat berulat sebelum dikebumikan, yang didakwa akibat derhaka kepada ibubapa.

- (ii) Kisah mayat bertukar menjadi khinzir.

- (c) Semua penerbitan yang memaparkan cerita-cerita keanehan yang memperalatkan agama.**

Contohnya:

- (i) Kisah perut menjadi busung kerana didakwa gara-gara suka memakan harta anak yatim.

- (d) Semua penerbitan yang memaparkan anggapan bahawa peristiwa-peristiwa luar biasa yang**

berkaitan dengan kenabian adalah suatu peristiwa misteri.

Contohnya:

- (i) Peristiwa Isra' dan Mikraj itu sebagai perkara misteri.
- (e) **Semua penerbitan berbentuk sensasi yang boleh mengaibkan seseorang individu atau kumpulan.**
 - (i) Pemaparan cerita-cerita atau dakwaan adanya kaum lelaki yang terlalu ganas dan luar biasa terhadap seks sehingga menimbulkan keresahan isterinya, lalu mengadu kepada seseorang tertentu lalu diceritakan semula sebagai bahan penerbitan.
- (f) **Semua penerbitan yang memaparkan cerita direka-reka bagi menambah perasaan suspensi dan sensasi berhubung dengan sesuatu kisah, yang didakwa sebagai suatu 'kisah benar'.**

Contohnya:

- (i) Pemaparan kisah-kisah yang sebenarnya hanya 'sejengkal' tetapi ditambah sehingga 'sedepa', semata-mata bagi menambahkan sensasi dan kepada pembaca atau penonton.

43. Cerita-cerita dan penulisan berbentuk aneh dan misteri dibolehkan, dengan syarat, ianya tidak menyentuh persoalan berhubung dengan wahyu, mukjizat, *istidraj*, perkara-perkara

sam'iyyat dan *ghaibiyyat* yang lain sehingga boleh menimbulkan kekeliruan yang menyebabkan rosaknya akidah.

PENUTUP

44. Garis panduan ini diharap akan dapat memberikan panduan kepada para penerbit media cetak, elektronik, dan perfileman serta semua pihak dalam usaha memurnikan kandungan bahan-bahan penerbitan, berdasarkan prinsip dan nilai-nilai agama yang luhur, mengikut pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkenaan garis panduan ini bolehlah diajukan kepada:

**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.**

No. Telefon : +60 3-8886 4000

No. Faksimili : +60 3-8889 2039

Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan
Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-unsur Yang
Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Ahli
Sunnah Wal - Jamaah ini di sediakan untuk memberi
panduan kepada para penerbit bahan bercetak dan
audio visual dalam menentukan kesesuaian isi
kandungan sesebuah bahan penerbitan agar tidak
menyimpang daripada ajaran Islam.